

Bil. S 42

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TANDA PERNIAGAAN (PINDAAN), 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 98.
 3. Pindaan Akta.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TANDA PERNIAGAAN (PINDAAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Tanda Perniagaan (Pindaan), 2014 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Jun 2013.

Pindaan bab 2 dari Penggal 98.

2. Bab 2 dari Akta Tanda Perniagaan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta, adalah dipinda, dalam ceraihan (1), dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan “infringing material” —

““Menteri” bermakna Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri;”.

Pindaan Akta.

3. Akta adalah dipinda dengan memotong “Attorney General” di mana saja perkataan-perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan “Minister”.

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 19 haribulan Julai, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM